

Headline	Klang bakal bandar raya warisan diraja pertama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Nasional	Page No	63
ArticleSize	217 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 22,441		



Klang bakal bandar raya warisan diraja pertama

Klang: Klang bakal menjadi sebuah bandar raya warisan diraja pertama Malaysia menjelang 2035, menerusi projek Rancangan Tempatan (RT) MPK 2035 (Penggantian).

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, sekiranya semua pihak memberi sokongan sama ada orang awam, pakar, profesional dalam usaha membangunkan Klang, pasti hasrat itu tercapai, justeru menjadikan Klang bandar raya Diraja pertama yang berjaya diwujudkan di Malaysia.

Katanya, MPK perlu memperkasakan Klang sebagai bandar raya warisan Diraja dan pelabuhan berdaya saing di peringkat global dengan menekankan pembangunan secara mampan, holistik, berimejkan bandar warisan dan digital menjelang 2035.

“Draf RT ini disediakan secara profesional, jadi kita yakin, kita boleh mencapai hasrat menjadikan Klang Bandaraya Warisan Diraja menjelang 2035, tetapi kita



Mohamad Yasid Bidin

tetap perlu maklum balas daripada pihak luar untuk melihat, memberi teguran, cadangan penambahbaikan sama ada untuk memudahkan lagi atau mempercepatkan lagi usaha kita untuk mencapai sasaran hasrat itu.

Minta pandangan

“Saya berharap, bukan sahaja pihak yang terbabit secara langsung di Klang memberi pandangan, kita harap pihak profesional juga di luar sana yang mempunyai pandangan lebih luas memberi komen yang baik untuk penambahan RT MPK 2035 ini.

“Untuk menuju ke arah

itu, kita ada beberapa fokus iaitu Dimensi Gunatanah dan Sumber Asli, Dimensi Ekonomi Berdaya Saing, Dimensi Komuniti Sejahtera, Dimensi Persekitaran Berkualiti, Dimensi Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien dengan itu dimensi yang dilihat dalam penyediaan draf ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Publisti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan MPK 2035 (Penggantian) bertemakan Klang Bandaraya Warisan Diraja 2035 yang dirasmikan oleh EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar di Dewan Hamzah, MPK di sini pagi tadi.

Mohamad Yasid berkata, draf RT MPK 2035 ini amat penting bukan sahaja kepada pelabur atau pemaju yang ingin memajukan dan membangunkan Klang, tetapi juga perlu dilihat jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta agensi utiliti lain.